

08/04/1997

Hubungan Malaysia, Kuwait lebih erat

Haniff Hadi in Bandar Raya Kuwait

BANDAR RAYA KUWAIT, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia dan Kuwait akan dapat menjalin hubungan pelbagai hala yang lebih bermakna sesudah lawatan tiga harinya ke negara ini.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Kuwait memberikan sambutan yang amat positif kepada cadangan Malaysia dalam rundingan antara pegawai kedua-dua negara, di sini.

"Kita menumpukan kepada perbincangan soal perdagangan seperti jalinan usaha sama dan langkah meningkatkan perhubungan. Bidang kerjasama sudah dikenal pasti," katanya dalam sidang akhbar pada akhir lawatannya ke Kuwait, hari ini.

Dr Mahathir mengajak Kuwait memanfaatkan kekuatan dalam bidang kewangan untuk membiayai projek usaha sama dengan Malaysia. Usaha sama menerusi ekuiti atau pembiayaan projek amat digalakkan kerana Malaysia kini banyak melabur di luar negara.

"Bagi menyokong dan memajukan hubungan serantau dan antarabangsa, Pulau Labuan di Malaysia dijadikan pusat kewangan, lengkap dengan infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan.

"Pakej insentif kewangan dan bukan kewangan yang menarik ditawarkan kepada syarikat yang menubuhkan ibu pejabat cawangan di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir, yang berlepas ke Bahrain untuk memulakan lawatan dua hari berkata, sekurang-kurangnya sebuah syarikat sudah menubuhkan cawangan di Pusat Kewangan Labuan.

Sabtu lalu, Dewan Kewangan Kuwait (KFH) mengumumkan memeterai perjanjian Murabahah bernilai AS\$100 (RM250) juta dengan City Bank-Labuan untuk membiayai pembelian minyak dan alat ganti pesawat bagi Penerbangan Malaysia.

Ekuiti KFH dianggarkan AS\$65 (RM162.5) juta dan akan dibayar menerusi murabahah dalam tempoh lebih setahun.

Perdana Menteri berkata, Kuwait boleh menyertai projek di Malaysia dan Asia kerana ramai usahawan dan syarikat Arab sudah memasuki tender bagi menjalankan projek sedemikian.

Mengenai kerjasama di bidang petroleum, Dr Mahathir berkata Malaysia melihat kemungkinan syarikat minyak kedua-dua negara menjalin usahasama menjalankan penerokaan di negara ketiga.

"Saya fikir dengan kerjasama itu, kita akan bertambah kukuh. Dengan usaha sama itu, kita boleh meneroka pengeluaran minyak dan gas di negara asing," katanya sambil menambah, Malaysia juga mungkin membeli minyak dari Kuwait.

Mengenai penswastaan di Malaysia, Dr Mahathir menjelaskan lebih 200 fungsi kerajaan sudah diswastakan. Program itu lebih mudah kerana kadar gaji kakitangan awam di Malaysia lebih rendah berbanding sektor swasta.

"Jika Kuwait mahu melaksanakan penswastaan, kakitangan kerajaan tidak boleh dibuang dan layanan seperti tangga gaji mestilah lebih baik dari sekarang," katanya.

(END)